

PM Jepun Kagumi PROTON

Oleh: Penulis ERA BARU

Chancellor



Gambar kereta model terbaru PROTON Chancellor.

PERDANA Menteri Jepun, Jumichiro Koizumi yang berada di Kuala Lumpur tidak lama dulu kerana menghadiri mesyuarat ASEAN SUMMIT dan ASEAN campur 3, sempat meluangkan masa untuk mengunjungi pameran barangan-barangan dari negara-negara ASEAN di tingkat bawah Kovensyen Centre, KLCC.

Salah satu gerai yang beliau tertarik dan lawati di hari pertama mesyuarat yang buat pertama kalinya diadakan di Konvensyen Centre itu ialah ke bilik pameran kereta PROTON yang keti-



GABUNGAN MANTAP... 4 orang personaliti yang kini menerajui dan bertanggungjawab memajukan PROTON. Dari kiri Datuk Kamarulzaman Darus (Pegarah bahagian Pembuatan), Syed Zainal Abidin Syed Mohd Tahir (Pegarah Urusan), Datuk Mohammed Azlan Hashim (Pengerusi) and Datuk Kisai Rahmat (Pegarah Eksekutif bahagian Kejuruteraan dan pembuatan).

ka itu mempamerkan kereta PROTON model **CHANCELLOR**.

Wakil **ERA BARU** yang kebetulan berada berdekatan di tempat pameran kereta PROTON itu ketika Koizumi berkunjung kedengaran sebagai berkata "very good" kepada pegawai-pegawai yang mengiringi beliau. Jelas Koizumi tertarik dan kagum dengan bentuk kereta Chancellor buatan Malaysia yang juga kereta nasional.

Sebelum ini, isu kereta PROTON menjadi tajuk utama di akhbar-akhbar tempatan kerana penjualannya yang begitu merosot ekoran limpahan kereta pelbagai model dan jenis dari luar negara yang dibenarkan masuk melalui pengagi-



Jumichiro Koizumi sedang melihat pameran kereta PROTON model terbaru Chancellor yang di pameran di Pusat Kovensyen Centre, KLCC, ketika beliau berada di Malaysia untuk menghadiri Mesyuarat ASEAN SUMMIT.

han AP yang berlebihan. Ini telah menimbulkan kontroversi dan perbincangan hangat apabila bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang juga penasihat kepada PROTON cuba mempertahankan kedudukan dan kemampuan kereta nasional yang terjejas itu tetapi malangnya ada pula pihak-pihak tertentu yang seolah-olah sengaja cuba mengagalkan kemampuan dan kejayaan PROTON.

Ekoran dari 'perbalahan' pendapat di antara Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Ketua Eksekutif PROTON, Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Arif terpaksa melepaskan jawatannya kerana tidak bersetuju dengan syarat-syarat baru yang dikenakan ke atas beliau. PROTON kemudian telah melantik seorang pengganti bernama Syed Zainal Abidin Syed Mohd Tahir dan bersama-sama dengan pengurusan baru PROTON kini difahamkan mempunyai banyak idea untuk menaikkan semula nama PROTON di pasaran bukan sahaja di Malaysia bahkan juga di luar negara.

Sementara itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang merupakan pengasas dengan sikap beliau yang berani telah berjaya memperkenalkan PROTON yang menjadi kemegahan negara kerana telah muncul sebagai pengeluar kereta nasional dan berjaya melatih anak-anak tempatan membuat kereta sendiri yang pada suatu ketika dulu tidak pernah dimimpikan.

Dalam pada itu, baru-baru ini Timbalan Menteri Pengangkutan, Tengku Datuk Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar telah diberi penghormatan untuk melancarkan PROTON jenis Chancellor di ibu pejabat PROTON di Shah Alam. Kereta ini yang akan dipasarkan dengan harga RM138,000.00 sebuah akan menemui pembeli dalam bulan Januari ini.

Proton sudah tentunya berterima kasih kepada Perdana Menteri Jepun, Jumichiro Koizumi kerana menunjukkan minat selain dari kagum dengan kereta buatan Malaysia itu. Rakyat negara ini seharusnya terus menyokong kereta nasional agar ia tetap menjadi kebanggaan negara.